

PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Senarai semak: Institusi atau Organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan

1	Salinan sijil perakuan pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh SSM	
2	Salinan lesen dan syarat-syarat kelulusan yang dikeluarkan dan disahkan oleh SSM;	
	a. Lesen di bawah seksyen 24(1) dan syarat-syarat kelulusan di bawah seksyen 24(3) bagi Akta Syarikat 1965; atau	
	b. Lesen di bawah seksyen 45(3) dan syarat-syarat kelulusan di bawah seksyen 45(5) bagi Akta Syarikat 2016; dan	
	c. Surat Kelulusan Menteri untuk membuat kutipan wang daripada orang awam (Jika syarat tidak boleh meminta apa-apa sumbangan atau derma daripada orang awam dinyatakan dalam dokumen seksyen 24(3) atau 45(5) Akta Syarikat 1965 / 2016)	
3	Salinan Perlembagaan yang lengkap ditandatangani dan disahkan oleh SSM	
4	Salinan Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965 / Seksyen 58 di bawah Akta Syarikat 2016 yang lengkap dan disahkan oleh SSM	
5	Senarai Ahli Lembaga Pengarah yang lengkap sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran A-6)	
6	Penyata kewangan yang beraudit bagi dua tahun yang terkini	
7	Senarai aktiviti sebagaimana format yang dilampirkan (Lampiran A-7) untuk;	
	- 2 tahun sebelum permohonan;	
	- tahun semasa; dan	
	- perancangan 2 tahun selepas permohonan	
8	Maklumat Polisi Bantuan Kewangan (Financial Assistance Policy - FAP) yang lengkap dan komprehensif (jika mengenakan caj perkhidmatan / rawatan dan lain-lain caj)	
9	Surat sokongan yang dikeluarkan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan yang menyatakan sokongan ke atas permohonan institusi atau organisasi untuk mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 dari Jabatan/Kementerian yang berkaitan dengan objektif dan aktiviti institusi atau organisasi	
10	Bagi institusi atau organisasi yang mempunyai pusat jagaan warga emas, anak yatim dan seumpamanya, perlu mengemukakan dokumen berikut;	
	- Sijil pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat;	
	- senarai nama penghuni, penjaga atau waris;	
	- latar belakang pusat jagaan; dan	
	- senarai aktiviti harian/tahunan yang dijalankan oleh pusat jagaan	
11	Kaedah kutipan dana	
12	Nombor pengenalan cukai (TIN): _____	
13	Nyatakan tarikh pengemukaan BNCP bagi 2 tahun taksiran terkini	

Nota:

1. Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.
2. Institusi atau Organisasi yang ingin membuat permohonan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 mestilah telah mendaftarkan TIN. Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana pejabat LHDNM yang berhampiran atau secara dalam talian melalui <https://mytax.hasil.gov.my>.